

PRODUCT DISCLOSURE SHEET <i>Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the HLM Takaful FiT CI. Be sure to read the general terms and conditions.</i>	Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")
	HLM Takaful FiT CI

1. What is this product about?

This is a standalone critical illness (CI) Takaful product which covers 10 critical illnesses. This plan is guaranteed renewable for a term of 10 years.

2. What are the Shariah concepts applicable?

- Tabarru' means donation from the portion of the contribution that will be allocated to the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used for mutual aid and assistance among the fellow participants.
- Iltizam Bi Al-Tabarru' means the commitment to make Tabarru'.
- Wakalah means essentially an agent-principal relationship, where the Takaful Operator act as an agent on behalf of the participants to manage the PRF and the Takaful Operator earns Wakalah Fee for services rendered.
- Ju'alah means an agreement in which the participant agrees to reward the Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the PRF that leads to Surplus of the fund.
- Qardh means an interest-free loan provided by the Takaful Operator in the event of a deficit in the PRF.

3. What are the covers/benefits provided?

Benefit	Description	Coverage Term
Critical Illness Benefit	<p>Upon diagnosis of any one of the covered diseases listed below and provided that the Person Covered survives for at least 30 days after the date of diagnosis, a guaranteed* 100% of the basic sum covered will be payable in one lump sum and the certificate shall terminate:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Alzheimer's Disease / Severe Dementia 2. Cancer – of specified severity and does not cover very early cancer 3. Cardiomyopathy – of specified severity 4. Coronary Artery By-Pass Surgery 5. Heart Attack – of specified severity 6. Heart Valve Surgery 7. Primary Pulmonary Arterial Hypertension – of specified severity 8. Serious Coronary Artery Disease 9. Stroke – resulting in permanent neurological deficit with persisting clinical symptoms 10. Surgery to Aorta <p>Please refer to the Takaful certificate for the definition of the above covered diseases.</p>	10 years

**The payment of this benefit is subject to the terms and conditions stated in the Takaful certificate.*

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Hong Leong MSIG Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my)

4. How much contribution do I have to pay?

The estimated total contribution that you have to pay and the contribution duration is as follows:

Plan Name	Contribution Term	Contribution (RM)			
		Annually	Semi-annually	Quarterly	Monthly
Basic					
HLM Takaful FiT CI	10 years	1,200.00	600.00	300.00	100.00
Sales & Services Tax (SST)		-	-	-	-
Total Contribution (inclusive of SST, if any)		1,200.00	600.00	300.00	100.00

The contribution is not guaranteed. We reserve the right to vary the contribution rates by giving the Participant 90 days written notice prior to the next certificate anniversary. Claim experience is one of the possible reasons for contribution adjustment. Please note that past trends of increase in the contribution rates do not necessarily reflect the future trend.

5. What are the fees & charges that I have to pay?

Wakalah Fee

Wakalah Fee is our administration fee that is deducted from the contributions to pay for the management expenses and direct distribution costs, including commission.

Certificate Year	1	2	3	4	5 – 6	7 – 10
% of Contribution	76%	39%	32%	26%	21%	16%
Amount (RM)	912	468	384	312	252	192

Commission (part of Wakalah Fee)

Certificate Year	1	2	3	4	5 – 6
% of Contribution	37.5%	22.5%	15.5%	10.0%	5.0%
Amount (RM)	450	270	186	120	60

Surrender Charge (upon surrender of your certificate)

Certificate Year	% of the Cash Surrender Value
1 – 3	30%
4 – 8	25%
9	15%
10	0%

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

(a) Importance of Disclosure

Pre-contractual duty of disclosure - You have a duty to disclose all material facts, including but not limited to medical condition and state your age correctly. You have a duty to disclose any relevant information that you know or are expected to know to the best of your knowledge and in good faith.

(b) Free-Look Period

You may cancel your certificate by returning the certificate within 15 calendar days after the certificate has been delivered to you. The contributions that you have paid will be refunded to you.

(c) Duty of Participant

You should satisfy yourself that the plan serves your needs and that you can afford the contribution.

(d) Iltizam bi Al-Tabarru'

Your contribution after deducting Wakalah Fee shall be allocated into PRF based on Iltizam bi Al-Tabarru' concept.

(e) Sharing of Surplus arising from PRF

Any surplus from PRF shall be distributed between you and us in the ratio of 50:50. We are entitled to the surplus based on the Shariah principle of Ju'alah.

(f) Record of Payment

Please keep a copy of the transaction record as proof of contribution payment.

(g) Switching Takaful Certificate

It may not be advantageous to switch from one takaful certificate to another or from one takaful operator to another, as you may be subject to the new terms and conditions of the new takaful certificate or takaful operator.

(h) Grace Period

You are given a grace period of 30 days from the contribution payment due date. Non-payment of contribution after the grace period may lead to conversion into reduced paid-up certificate or early termination of your coverage. Please refer to the Takaful certificate for more details.

(i) Automatic renewability without underwriting

Upon expiry of the certificate, the certificate will automatically be renewed for another 10 years of coverage without any underwriting requirement, subject to the maximum entry age at renewal and maximum renewal up to 2 times. The contribution will be revised according to your age at renewal. You are required to notify us at least 30 days prior to the expiry of this certificate if you do not want to renew the certificate for another 10 years term.

(j) Waiting Period

The eligibility for benefits under the certificate will only start 30 days after the effective date of the certificate, except for the following covered disease which will only start 60 days after the effective date of the certificate:

- Cancer – of specified severity and does not cover very early cancer
- Coronary Artery By-Pass Surgery
- Heart Attack – of specified severity
- Serious Coronary Artery Disease

(k) Cash Surrender Value

The certificate may not have a guaranteed cash surrender value on termination as the availability of cash surrender value is depending on your entry age and gender.

(l) Claim Procedure

Upon receipt of notice of diagnosis or surgery of the critical illness in writing and addressed to our head office, we will furnish to you or your representative appropriate forms for filing proof of critical illness. All claims must be submitted to us within 90 days from the date of the said diagnosis or surgery. Please refer to the Takaful certificate for more details.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the terms and conditions under this certificate.

7. What are the major exclusions under this certificate?

No Critical Illness Benefit shall be paid if the covered disease results directly or indirectly from any one (1) of the following occurrences:

- (a) Pre-Existing Illness;
- (b) The signs or symptoms of the Covered diseases are manifested prior to or:
 - i. within sixty (60) days from the commencement date or any reinstatement date of the certificate, whichever is the latest in respect of:
 - Cancer – of specified severity and does not cover very early cancer
 - Coronary Artery By-Pass Surgery
 - Heart Attack – of specified severity
 - Serious Coronary Artery Disease
 - ii. within thirty (30) days from the commencement date or any reinstatement date of the certificate, whichever is the latest for all other covered diseases not set out in item (i) above.
- (c) Other than the first incidence of the covered disease;
- (d) The covered disease where in our sole and absolute opinion, was caused directly or indirectly by the existence of Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) or by the presence of any Human Immunodeficiency Virus (HIV) infection. We reserve the right to require the Person Covered to undergo a blood test to detect the presence of any HIV infection as a condition precedent before accepting any claim. For the purpose of this certificate,
 - i. the definition of AIDS shall be that used by the World Health Organization in 1987, or any subsequent revision by the World Health Organization of that definition; and
 - ii. infection shall be deemed to have occurred where blood or other relevant test(s) indicate, in our sole and absolute opinion, either the presence of any HIV or antibodies to such virus;
- (e) Any covered disease was diagnosed, whether directly or indirectly, due to a congenital defect or disease, which was manifested or was diagnosed before the Person Covered attained seventeen (17) years of age;
- (f) Any covered disease caused by a self-inflicted injury, while sane or insane;
- (g) Any covered disease resulting directly from alcohol or drug abuse;

- (h) Death of the Person Covered within thirty (30) days following the date of diagnosis of any of the covered diseases; or
- (i) Person Covered who himself/herself is a professional sports person.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the full list of exclusions under this certificate.

8. Can I cancel my certificate?

Yes. You can cancel your certificate by giving a written notice to us. Upon cancellation, the cash surrender value (if any) will be paid to you, however, the amount payable may be less than the total contributions you have paid.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about medical and health takaful, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Medical and Health Takaful' on www.hlmtakaful.com.my.

If you have any enquiries, please contact us at:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Address : Head Office, Level 5, Tower B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Telephone : +603-7650 1800

E-mail : ReachUs@takaful.hongleong.com.my

11. Other similar types of medical and health takaful cover available.

Please refer to our agent for other similar types of plans offered.

IMPORTANT NOTE:

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS CERTIFICATE WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Underwritten by Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)
(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

The information provided in this disclosure sheet is valid as at <<Date>>

Service Guide

Our Company offers family takaful products through our agency force and bank partners. If you intend to participate in our family takaful product through our agents, you can enjoy these value-added services.

1 Before you participate in a family takaful product

Deal only with registered agents

- ✓ You can check the status of the agent via the Malaysian Takaful Association (MTA) website on **Public Enquiry on Agent Status**
- ✓ Visit <http://www.malaysiantakaful.com.my/Consumer-Zone/Public-Enquiry-on-Agent-Status.aspx> for more details

Assist you in choosing the right takaful product

- ✓ Go through the Customer Fact Find form (if applicable) with you to understand your financial needs and risk appetite
- ✓ Recommend a suitable family takaful product(s) based on the facts that you provide in the form

Explain product feature

- ✓ Explain the takaful product concept(s), product features, benefits payable, contributions and charges
- ✓ Provide Product Disclosure Sheet (PDS) to assist you in making informed decisions and to facilitate product comparison

2 Before you participate in a family takaful product

Assist you in completing the takaful application

- ✓ Explain the importance of answering the questions in the proposal form fully and accurately while you are completing the proposal form
- ✓ Provide information on making a nomination (wasi and/or conditional hibah) to ensure benefits payable are received by your nominee or beneficiaries in the event of death
- ✓ Submit your application for underwriting after you have signed the proposal form
- ✓ Arrange for medical examination with one of our panel clinics, if required

Explain the certificate terms and conditions

- ✓ Your takaful certificate will be delivered to you (by hand or electronically) within 7 working days from the certificate issue date
- ✓ Go through the certificate terms and conditions with you to ensure that this is the right Takaful plan that you have participated in

3 During the term of the Takaful Plan

Continuous certificate servicing

- ✓ Guide you in the renewal process of your certificate to ensure continuous coverage
- ✓ Provide continuous service e.g. certificate modifications, change of address and frequency of contributions. If your agent has left the company, we shall appoint a new agent to serve you.

Assist you with making a takaful claim

- ✓ Guide you through the standard procedures on how to file a takaful claim

Customer Portal

Please visit our corporate website at <https://www.hlmtakaful.com.my>. Once you are there, just click on the HLMTakaful360° banner for online access to your certificate information.

Customer Service

If you are not happy with the services of our agent, or require additional support from us, you may call us at **03-7650 1800** or e-mail us at ReachUs@takaful.hongleong.com.my

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK <i>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai HLM Takaful FiT CI. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.</i>	Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")
	HLM Takaful FiT CI

1. Apakah produk ini?

Ini adalah produk Takaful penyakit kritikal standalone yang melindungi 10 penyakit kritikal. Pelan ini adalah dijamin pembaharuan bagi tempoh 10 tahun.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Tabarru' bermaksud derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan ke Dana Risiko Peserta (PRF), yang akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- Wakalah bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- Ju'alah bermaksud perjanjian di mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.
- Qardh bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam PRF.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Manfaat	Keterangan	Tempoh Perlindungan
Manfaat Penyakit Kritikal	<p>Setelah didiagnosis salah satu daripada penyakit dilindungi yang disenaraikan di bawah dengan syarat Orang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya 30 hari selepas tarikh diagnosis, 100% daripada jumlah dilindungi asas dijamin* akan dibayar sekaligus dan sijil akan ditamatkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk 2. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal 3. Kardiomiopati – keterukan tertentu 4. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 5. Serangan Jantung – keterukan tertentu 6. Pembedahan Injap Jantung 7. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu 8. Penyakit Arteri Koronari Serius 9. Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan 10. Pembedahan Aorta <p>Sila rujuk sijil Takaful untuk definisi penyakit dilindungi di atas.</p>	10 tahun

*Bayaran manfaat ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil Takaful.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Anggaran jumlah sumbangan yang anda perlu bayar dan tempoh sumbangan adalah seperti berikut:

Nama Pelan	Tempoh Sumbangan	Sumbangan (RM)			
		Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan
Asas					

HLM Takaful FiT CI	10 tahun	1,200.00	600.00	300.00	100.00
Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST)		-	-	-	-
Jumlah Sumbangan (termasuk SST, jika ada)		1,200.00	600.00	300.00	100.00

Sumbangan adalah tidak dijamin. Kami mempunyai hak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan Peserta 90 hari notis bertulis sebelum ulang tahun sijil yang berikutnya. Pengalaman tuntutan adalah salah satu sebab bagi pelarasan sumbangan. Sila ambil perhatian bahawa trend peningkatan dalam kadar sumbangan pada masa lalu tidak semestinya menggambarkan trend masa hadapan.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5 – 6	7 – 10
% daripada Sumbangan	76%	39%	32%	26%	21%	16%
Jumlah (RM)	912	468	384	312	252	192

Komisen (sebahagian Yuran Wakalah)

Tahun Sijil	1	2	3	4	5 – 6
% daripada Sumbangan	37.5%	22.5%	15.5%	10.0%	5.0%
Jumlah (RM)	450	270	186	120	60

Caj Serahan (semasa serahan sijil anda)

Tahun Sijil	% daripada Nilai Serahan Tunai
1 – 3	30%
4 – 8	25%
9	15%
10	0%

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

(a) Kepentingan Pendedahan

Kewajipan pendedahan pra-kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.

(b) Tempoh Bertenang

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari kalendar selepas sijil tersebut dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.

(c) Kewajipan Peserta

Anda perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.

(d) Iltizam bi Al-Tabarru'

Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.

(e) Perkongsian Lebihan daripada PRF

Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebihan berdasarkan prinsip Shariah iaitu Ju'alah.

(f) Rekod Pembayaran

Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.

(g) Menukar Sijil Takaful

Ia mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu pengendali takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk sijil takaful atau pengendali takaful tersebut.

(h) Tempoh Ihsan

Anda diberi tempoh ihsan selama 30 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penukaran kepada sijil berbayar terkurang atau penamatan awal perlindungan anda. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

(i) Pembaharuan automatik tanpa pengunderaitan

Setelah sijil tamat, sijil akan diperbaharui secara automatik untuk perlindungan selama 10 tahun lagi tanpa sebarang syarat pengunderaitan, tertakluk kepada umur kemasukan maksimum ketika pembaharuan dan pembaharuan maksimum sehingga 2 kali. Sumbangan akan disemak semula mengikut umur anda ketika pembaharuan. Anda perlu memberitahu kami sekurang-kurangnya 30 hari sebelum penamatan sijil jika anda tidak mahu memperbaharui sijil ini untuk 10 tahun lagi.

(j) Tempoh menunggu

Kelayakan bagi manfaat di bawah sijil hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuatkuasa sijil tersebut, kecuali bagi penyakit dilindungi berikut yang hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh berkuatkuasa sijil:

- Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
- Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- Serangan Jantung – keterukan tertentu
- Penyakit Arteri Koronari Serius

(k) Nilai Serahan Tunai

Sijil ini mungkin tidak mempunyai nilai serahan tunai dijamin semasa penamatan memandangkan peruntukan nilai serahan tunai adalah bergantung kepada umur kemasukan dan jantina anda.

(l) Prosedur Tuntutan

Setelah penerimaan notis diagnosis atau pembedahan penyakit kritikal secara bertulis dan dialamatkan ke ibu pejabat kami, kami akan memberikan anda atau wakil anda borang yang berkaitan bagi pemfailan bukti penyakit kritikal. Semua tuntutan hendaklah diserahkan kepada kami dalam tempoh 90 hari dari tarikh diagnosis atau pembedahan tersebut. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Manfaat Penyakit Kritikal tidak akan dibayar sekiranya penyakit dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada salah satu (1) kejadian berikut:

(a) Penyakit Sedia Ada;

(b) Tanda atau simptom penyakit dilindungi ditunjukkan sebelum atau:

i. dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana yang lebih kemudian berkenaan dengan:

- Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
- Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- Serangan Jantung – keterukan tertentu
- Penyakit Arteri Koronari Serius

ii. dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana yang lebih kemudian untuk semua penyakit dilindungi lain yang tidak dinyatakan di dalam perkara (i) di atas.

(c) Selain daripada insiden pertama penyakit dilindungi;

(d) Sebarang penyakit dilindungi di mana pada pendapat tunggal dan mutlak kami, adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodifisiensi Manusia (HIV). Kami berhak untuk meminta Orang yang Dilindungi menjalani ujian darah untuk mengesan kehadiran sebarang jangkitan HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Bagi tujuan sijil ini,

i. definisi AIDS hendaklah sebagaimana yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 1987, atau apa-apa semakan selepas itu oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk definisi tersebut; dan

- ii. jangkitan hendaklah dianggap terjadi apabila darah atau ujian lain yang berkaitan menunjukkan pada pendapat tunggal dan mutlak kami sama ada kehadiran sebarang jangkitan HIV atau Antibodi untuk virus sedemikian;
- (e) Sebarang penyakit dilindungi didiagnosis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit, yang telah dimanifestasikan atau didiagnosis sebelum Orang yang Dilindungi mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- (f) Sebarang penyakit dilindungi disebabkan oleh kecederaan diri sendiri yang disengajakan, ketika siuman atau tidak siuman;
- (g) Sebarang penyakit dilindungi yang disebabkan secara langsung daripada alkohol atau penyalahgunaan dadah;
- (h) Kematian Orang yang Dilindungi dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh diagnosis sebarang penyakit dilindungi; atau
- (i) Orang yang Dilindungi itu sendiri yang merupakan seorang ahli sukan professional.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai lengkap bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

8. Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, nilai serahan tunai (jika ada) akan dibayar kepada anda, walau bagaimanapun, jumlah yang akan dibayar mungkin akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang tepat.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang takaful perubatan dan kesihatan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Perubatan dan Kesihatan" di www.hlmtakaful.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Alamat : Ibu Pejabat, Tingkat 5, Menara B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Telefon : +603-7650 1800

E-mel : ReachUs@takaful.hongleong.com.my

11. Jenis perlindungan takaful perubatan dan kesihatan serupa lain yang sedia ada.

Sila rujuk kepada ejen atau kami untuk jenis pelan serupa lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG BERSAMA EJEN ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

(Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada <<Date>>

Panduan Perkhidmatan

Syarikat kami menawarkan produk-produk takaful keluarga melalui agensi dan rakan kongsi bank kami. Jika anda berhasrat untuk menyertai produk takaful keluarga melalui ejen-ejen kami, anda boleh menikmati perkhidmatan tambah nilai berikut.

1 Sebelum anda menyertai produk takaful keluarga

Berurusan hanya dengan ejen-ejen yang berdaftar

- ✓ Anda boleh menyemak status ejen kami melalui laman sesawang Persatuan Takaful Malaysia (MTA) di bahagian **Public Enquiry on Agent Status**
- ✓ Sila layari <http://www.malaysiantakaful.com.my/Consumer-Zone/Public-Enquiry-on-Agent-Status.aspx> untuk maklumat lanjut

Membantu anda memilih produk takaful yang sesuai

- ✓ Membantu anda mengisi borang Carian Fakta Pelanggan (jika ada) untuk memahami keperluan kewangan dan selera risiko anda
- ✓ Mengesyorkan produk-produk takaful keluarga yang sesuai berdasarkan fakta yang anda berikan di dalam borang

Menerangkan ciri-ciri produk

- ✓ Menerangkan konsep, ciri-ciri produk, manfaat-manfaat yang boleh dibayar, sumbangan serta caj-caj yang berkenaan
- ✓ Menyediakan Helaian Pendedahan Produk untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat serta memudahkan

2 Apabila anda membuat keputusan untuk menyertai produk takaful

Membantu anda melengkapkan permohonan takaful

- ✓ Menerangkan kepentingan anda menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat semasa anda mengisi borang cadangan
- ✓ Memberi maklumat mengenai proses penamaan (wasi dan/atau hibah) bagi memastikan manfaat yang dibayar akan diterima oleh penama atau waris anda sekiranya berlaku kematian
- ✓ Menghantar permohonan anda untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang cadangan
- ✓ Mengatur pemeriksaan kesihatan dengan salah satu daripada klinik panel kami, sekiranya diperlukan

Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat sijil

- ✓ Sijil takaful anda akan dihantar kepada anda (samada dengan tangan atau secara elektronik) dalam masa 7 hari bekerja dari tarikh sijil dikeluarkan
- ✓ Menerangkan kepada anda terma-terma dan syarat-syarat sijil bagi memastikan anda telah menyertai pelan takaful yang tepat

3 Semasa tempoh produk takaful

Perkhidmatan sijil berterusan

- ✓ Membantu anda dalam proses pembaharuan sijil untuk memastikan perlindungan berterusan
- ✓ Memberi perkhidmatan yang berterusan seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan sumbangan. Jika ejen anda meninggalkan Syarikat, pihak kami akan melantik ejen baru untuk memberi khidmat kepada anda

Membantu anda dalam membuat tuntutan takaful

- ✓ Membantu anda melalui prosedur standard cara-cara untuk memfailkan tuntutan takaful

Portal Pelanggan

Sila layari laman sesawang korporat kami di <https://www.hlmtakaful.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLMTakaful360° untuk akses dalam talian kepada maklumat sijil anda.

Khidmat Pelanggan

Jika anda tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberikan oleh ejen kami, atau memerlukan bantuan lanjut daripada kami, anda boleh menghubungi kami di **03-7650 1800** atau e-mel kami di ReachUs@takaful.hongleong.com.my